



**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**Wisma Kewangan**  
**88593 Kota Kinabalu**  
**Sabah, Malaysia**  
**Tel.: 088-251513/251514/251516**  
**Faks: 088-237605**  
**Website: www.mof.sabah.gov.my**

**Tel.** : 088-368179  
**Bil.** : KEW(S)100-4/1 Klt.3  
**Tarikh** : 29 Ogos 2017

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL 06/2017- GARIS PANDUAN PERATURAN DAN HAD HARGA MAKSIMA PERABOT DAN KELENGKAPAN PEJABAT PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH.**

**1. Tujuan**

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai penambahbaikan kepada Pekeliling Bilangan 06/2008 bertarikh 25 April 2008.

**2. Latar Belakang**

- 2.1 Pada tahun 2008, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah mengeluarkan Pekeliling mengenai peraturan dan had harga maksima pembelian perabot dan kelengkapan pejabat bagi tujuan kemudahan dan penyelarasan di semua peringkat Kementerian dan Jabatan Negeri Sabah.
- 2.2 Sejak itu, tidak ada perubahan dibuat keatas pekeliing berkenaan walaupun terdapat peningkatan harga barangan di pasaran. Ini menimbulkan kesukaran kepada kementerian/jabatan dan juga pembekal.



### **3. Syarat-syarat Pembelian**

Pembelian Perabot dan kelengkapan pejabat adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

- 3.1 Perabot dan kelengkapan yang dibeli adalah digalakkan daripada keluaran tempatan;
- 3.2 Perabot dan kelengkapan hendaklah dibeli daripada pembekal yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) bagi pembelian RM20,000.00 ke atas;
- 3.3 Penukaran/penggantian perabot dan kelengkapan pejabat dengan yang baru hanya boleh dibuat selepas Lima (5) tahun daripada tarikh asal pembeliannya. Hanya dalam kes-kes tertentu, pengecualian syarat ini dibenarkan. Walau bagaimanapun, perabot dan kelengkapan yang masih berada di dalam keadaan yang elok hendaklah terus digunakan sehingga ianya tidak dapat digunakan lagi ; dan
- 3.4 Perolehan atau penggantian perabot dan kelengkapan pejabat berkenaan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan pelupusan yang berkuatkuasa.

### **4. Perkara-Perkara Am**

- 4.1 Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan Negeri adalah bertanggungjawab memberi pertimbangan dalam pembelian perabot dan kelengkapan pejabat bagi Kementerian/Jabatan masing-masing.
- 4.2 Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan Negeri hendaklah juga memastikan Peraturan-peraturan yang dinyatakan di atas serta arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kemementerian Kewangan Negeri Sabah dari semasa ke semasa mengenai pembelian perabot dan kelengkapan pejabat dipatuhi sepenuhnya.
- 4.3 Garis Panduan had harga maksima bagi pembelian perabot dan kelengkapan pejabat perkhidmatan awam negeri adalah seperti pada;

- 4.3.1 Jadual I - Senarai mengikut Gred Jawatan
- 4.3.2 Jadual II - Senarai kelengkapan dan peralatan Pejabat Am
- 4.3.3 Jadual III - Senarai Komputer dan peralatannya.

**5. Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

**6. Pemakaian**

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Agensi, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan Negeri.

Sekian dan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"JIMAT DAN PRODUKTIF"**



**(DATUK PG. HASSANEL BIN DATUK PG. HAJI MOHD TAHIR)**

Setiausaha Tetap

BIL	PERABOT	MEJA	KERUSI	KERUSI PELAWAT	SET SOFA	ALMARI BUKU	KAIN LANGSIR/BLIND	KABINET BESI (4 DRAWER)	RAK BUKU	RAK FAIL	PERMAIDANI
	PEGAWAI	KADAR MAKSIMA (SEUNIT) (RM)	KADAR MAKSIMA (SEUNIT) (RM)	KADAR	KADAR	KADAR	KADAR	KADAR	KADAR	KADAR	JENIS/RM sq.ft
1	Gred Utama Turus I;II & III (VU2-VU4)	4,100.00	1,320.00	550.00	6,600.00	1,500.00	40.00 / 15.00	880.00	1,800.00	1,000.00	17.00
2	Gred Utama A (VU5)	3,400.00	1,100.00	450.00	5,000.00	1,000.00	40.00 / 15.00	880.00	1,800.00	1,000.00	17.00
3	Gred Utama B (VU6)	2,750.00	1,000.00	400.00	4,200.00	1,000.00	30.00 / 15.00	880.00	1,800.00	1,000.00	17.00
4	Gred Utama C (VU7)	2,500.00	1,000.00	400.00	3,000.00	1,000.00	30.00 / 15.00	880.00	1,800.00	1,000.00	17.00
5	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 58-48)	2,200.00	900.00	300.00	2,700.00	800.00	20.00 / 13.00	880.00	1,400.00	1,000.00	15.00
6	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 44-40)	2,000.00	800.00	250.00	-	800.00	20.00 / 13.00	880.00	-	1,000.00	

BIL	PERABOT	MEJA	KERUSI	KERUSI PELAWAT	SET	ALMARI BUKU	KAIN LANGSIR / BLIND	KABINET BESI (4 DRAWER)	RAK BUKU	RAK FAIL	PERMAIDANI
	PEGAWAI	KADAR MAKSIMA (SEUNIT) (RM)	KADAR MAKSIMA (SEUNIT) (RM)	KADAR	KADAR	KADAR	KADAR	KADAR	KADAR	KADAR	JENIS/RM sq.ft
7	Kumpulan Sokongan (Gred 38-27)	1,200.00	500.00	250.00	-	800.00	13.00	880.00	-	-	15.00
8	Kumpulan Sokongan (Gred 26-17)	1,200.00	500.00	-	-		-				
9	Kumpulan Sokongan (Gred 16-11)	1,000.00	500.00	-	-		-				
10	Kumpulan Sokongan (K IX)	600.00	500.00	-	-		-				
11	Kumpulan Sokongan (K X dan XI)	600.00	300.00	-	-		-				

SENARAI KELENGKAPAN & PERALATAN PEJABAT AM

JADUAL 2

BIL	JENIS-JENIS PERALATAN	HARGA MAKSIMA (RM)
1	AIRCOND 2.5HP TERMASUK PEMASANGAN (SPLIT UNIT)	4,000.00
2	AIRCOND 2.0HP TERMASUK PEMASANGAN (SPLIT UNIT)	3,500.00
3	AIRCOND 1.5HP TERMASUK PEMASANGAN (SPLIT UNIT)	2,200.00
4	PAPAN TANDA 20 KAKI TERMASUK PEMASANGAN DAN PENGANGKUTAN	6,000.00
5	KARPET 1 KAKI PERSEGI	12.00
6	VERTICAL BLIND 1KAKI PERSEGI	13.00
7	KAMERA DIGITAL	5,000.00
8	STANDBY LIGHT	350.00
9	SET GENERATOR	3,000.00
10	PENYEDUT HAMPAGAS	1,200.00
11	CANVAS 20x20	3,000.00
12	ROSTRUM	1,800.00
13	WHITE BOARD	828.00
14	MESIN RUMPUT	1,000.00
15	MESIN BINDING HEAVY DUTY	2,300.00
16	MESIN BINDING	1,000.00
17	MESIN PERINCIH KERTAS (SHREDDER) HEAVY DUTY	3,900.00
18	MESIN FAX	1,500.00
19	MESIN TAIP ELEKTRIK	3,800.00
20	MESIN PHOTOCOPY	6,500.00
21	MESIN FAX LASER	3,500.00
22	KERUSI PLASTIK (ARM REST)	65.00

SENARAI KELENGKAPAN & PERALATAN PEJABAT AM

JADUAL 2

BIL	JENIS-JENIS PERALATAN	HARGA MAKSIMA (RM)
25	KERUSI (BILIK MESYUARAT)	500.00
26	KERUSI PLASTIK	50.00
27	BANQUET CHAIR	200.00
28	KERUSI PANJANG (5 TEMPAT DUDUK JENIS LEMBUT)	1,200.00
29	KIPAS BESAR 26" JENIS GUNA AIR	3,240.00
30	KIPAS BESAR BIASA	500.00
31	BANQUET TABLE (TEBAL)	800.00
32	MEJA KAUNTER L SHAPE	3,000.00
33	MEJA MESYUARAT (30 ORANG)	6,800.00
34	MEJA KOMPUTER	500.00
35	MEJA LIPAT 2x4	350.00
36	ALMARI BUKU 3' x 3'	780.00
37	ALMARI BUKU 7' x 3'	1,680.00
38	ALMARI TEMPAT SIMPAN GELAS DAN PIRING	1,300.00

SENARAI KELENGKAPAN & DAN PERALATAN KOMPUTER

JADUAL 3

BIL	PERALATAN	KOMPUTER PC	KOMPUTER RIBA	PENCETAK (HITAM/PUTIH)	PENCETAK (WARNA)	MESIN PENGIMBAS
	PEGAWAI	KADAR MAKSIMA (RM/SEUNIT)	KADAR MAKSIMA (RM/SEUNIT)	KADAR MAKSIMA (RM/SEUNIT)	KADAR MAKSIMA (RM/SEUNIT)	KADAR MAKSIMA (RM/SEUNIT)
1	Gred Utama Turus I;II & III (VU2-VU4)	5,000.00	7,000.00	1,000.00	3,000.00	1,000.00
2	Gred Utama A (VU5)	5,000.00	7,000.00	1,000.00	3,000.00	1,000.00
3	Gred Utama B (VU6)	5,000.00	7,000.00	1,000.00	3,000.00	1,000.00
4	Gred Utama C (VU7)	5,000.00	7,000.00	1,000.00	3,000.00	1,000.00
5	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 58-48)	5,000.00	7,000.00	800.00	3,000.00	1,000.00
6	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 44-40)	5,000.00	7,000.00	800.00	3,000.00	1,000.00
7	Kumpulan Sokongan 1 (Gred 38-26)	5,000.00	-	800.00	-	1,000.00